

CORAK PERUBATAN DI PULAU PINANG  
DI ANTARA TAHUN 1925-1940.

OLEH

FADHILAH BINTI ISMAIL

PENYELIA

DR. YUEN CHOY LENG

BAHAGIAN SEJARAH,  
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN,  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA,  
PULAU PINANG.  
1985.

Buat,

Keluarga yang senantiasa mengharap dan  
mendoakan kejayaanku terutamanya  
Allahyarham Abdul Rahim, yang telah  
bertungkus lumus untuk menjadikan diri  
adikmu ini seorang yang berpendidikan.

Suamiku Kamal Zaman, yang telah merestui  
dan sama-sama berjuang di dalam  
perjuanganku ini.

Anakku Kazman Faizal, yang selalu  
mengharapkan belaian dan kasih sayangku.

KANDUNGANMUKA SURAT

1. PRAKATA DAN PENCHARGAAN JASA	i
2. PENDAHULUAN	ii - vi
3. BAB 1 - SEJARAH PERKEMBANGAN DAN PENYEBARAN PERUBATAN BARAT KE TIMUR KHUSUSNYA KE TANAH MELAYU DAN SEJARAH PERUBATAN DI TANAH MELAYU KHUSUSNYA DI PULAU PINANG.	1 - 30
BAB 2 - LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN DALAM MEMPERTINGKATKAN PERKHIDMATAN PERUBATAN MODEN.	31- 60
BAB 3 - TINDAKBALAS MASYARAKAT TERHADAP LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN.	61- 71
BAB 4 - KESIMPULAN	72-80
5. BIBLIOGRAFI	

Prakata

Bersyukur penulis ke hadrat Illahi, dengan limpah kurniaNya dapat menyiapkan jua 'Latihan Ilmiah' ini. Ucapan Terima Kasih kepada Penyelia, Dr. Yuen Choy Leng yang telah bekerjasama dalam memberi bimbingan dan nasihat yang berguna. Tidak lupa juga ucapan Terima Kasih kepada pihak-pihak tertentu yang telah bertungkus lumus membantu penulis dalam menyiapkan 'Latihan Ilmiah' dan begitu juga kepada pihak-pihak yang di temuduga yang sanggup memberi kerjasama.

Pendahuluan

Kesihatan adalah paling diutamakan oleh setiap orang. Oleh itu apabila seseorang menghadapi sesuatu penyakit, ia akan berusaha untuk mengatasinya. Begitu juga dengan rakyat di Pulau Pinang yang akan cuba sedaya upaya untuk mengatasi masalah-masalah kesihatan.

Di Pulau Pinang, masyarakatnya terdiri dari berbilang-bilang kaum tetapi kaum yang utama hanyalah kaum Melayu, China dan India. Ketiga-tiga kaum ini mempunyai cara-cara yang tersendiri dalam mengubati penyakit. Mereka pada tahun 1925 hingga 1940 mempunyai dua corak perubatan iaitu corak perubatan tradisional dan moden. Bagi sebelum tahun 1925, ramai daripada penduduk Pulau Pinang mengamalkan cara perubatan tradisional dan segelintir masyarakat sahaja yang berjinak dengan perubatan moden. Manakala bagi tahun selepas 1940, dapatlah dirumuskan bahawa ramai rakyat Pulau Pinang telah dapat memahami akan fungsi perubatan moden dan seterusnya mendapatkan rawatan secara perubatan moden,

Dalam membuat kajian Latihan Ilmiah ini

yang berlandaskan kepada tajuk 'Corak Perubatan di Pulau Pinang di antara tahun 1925 hingga 1940 adalah untuk mengetahui akan cara penduduk mengatasi sesuatu penyakit yang dihadapi oleh mereka. Tahun 1925 merupakan tahun pemilihan permulaan perbincangan adalah disebabkan bahawa terdapat lagi orang-orang tua yang masih hidup untuk di temubual. Tambahan pula, sebelum 1925 bahan-bahan untuk dijadikan sebagai rujukan adalah sukar untuk didapati. Perbincangan tidak akan melewati selepas 1940 adalah disebabkan terdapat peralihan kuasa dari kerajaan British ke kerajaan Jepun. Perbincangan ini akan meliputi sebanyak empat bab.

Tujuan penulis membuat kajian mengenai tajuk tersebut adalah untuk mengetahui akan sikap masyarakat mengatasi sesuatu penyakit yang dialami dan juga untuk mengetahui akan tindakan-tindakan pihak kerajaan dalam bidang kesihatan. Seterusnya juga adalah untuk mengetahui akan tindakbalas-tindakbalas masyarakat terhadap langkah-langkah kerajaan dalam jangka waktu 1925 hingga 1940.

Penulis akan menumpukan kepada kawasan di Pulau Pinang kerana negeri ini terdiri dari bukan sahaja kaum melayu sebagai kaum pribumi bahkan terdapat juga bangsa-bangsa

asing seperti kaum China dan India. Dalam hal ini penulis juga ingin tahu apakah corak perubahan yang terdapat di Pulau Pinang dalam lingkungan tahun 1925 hingga 1940? Dengan ini penulis akan menumpukan perhatian terhadap perubahan moden, perubahan tradisional dan juga akan langkah-langkah kerajaan dalam bidang perubahan seterusnya kepada tindakbalas masyarakat terhadap langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan.

Mengenai perbincangan dalam bab pertama ini, penulis akan membincangkan berkenaan dengan sejarah pertumbuhan dan penyebaran perubahan Barat ke Timur khususnya ke Tanah Melayu dan akan menyentuh juga kepada sejarah perubahan moden di Tanah Melayu khususnya di Pulau Pinang.

Menyentuh tentang perbincangan dalam bab kedua, penulis akan menumpukan terhadap langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan. Di sini dapatlah dilihat akan sejauhmana penglibatan pihak kerajaan untuk menjamin kesihatan yang baik kepada penduduk-penduduk di Pulau Pinang.

Manakala bagi bab ketiga yang merupakan bab di mana penulis akan merumuskan bahan-bahan yang didapati

daripada temuduga-temuduga yang dilakukan terhadap penduduk-penduduk yang berada di dalam lingkungan tahun 1925 hingga 1940. Di sini penulis akan memberatkan terhadap corak perubahan yang terdapat.

Seterusnya bagi bab yang keempat yang merupakan bab akhir bagi penulis. Di sini penulis akan cuba menyimpulkan secara keseluruhan terhadap corak perubahan yang terdapat di Pulau Pinang.

Dalam membuat kajian ini penulis akan meneliti terhadap laporan-laporan kerajaan seperti laporan tahunan neger-negeri Selat, laporan kesihatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang, laporan banci tahunan. Penulis akan merujuk buku-buku sebagai sumber bahan kedua dan juga penulis akan menemuduga dengan penduduk di Pulau Pinang yang berada di lingkungan tahun 1925 hingga 1940.

Secara sepintas lalu memandangkan tajuk yang dipilih oleh penulis adalah mudah, tetapi bila diteliti dan diamati serta untuk menyiapkan latihan ilmiah ini telah menimbulkan berbagai-bagai masalah kepada penulis. Walau bagaimanapun,



berkat kesabaran dan semangat serta keimanan, penulis memaksakan diri jua untuk menyiapkan latihan ilmiah ini sebaik mungkin.

Salah satu masalahnya ialah dalam perkara temuduga yang mana sukar untuk mendapatkan kerjasama, tambahan pula penulis tidak pandai berbahasa China dan Tamil. Dalam hal temuduga, penulis banyak menumpukan perhatian di rumah orang-orang tua yang mana ini memerlukan kepada kunjungan yang berkali-kali untuk menyiapkan temuduga.

Bahan-bahan bertulis atau dokumen-dokumen untuk dijadikan sebagai bahan rujukan juga adalah kurang dan sukar untuk didapati. Oleh itu penulis membuat perbincangan atas butir apa yang didapati sahaja walaupun tujuan penulis pada mulanya ingin memberi satu gambaran yang lebih jelas lagi. Semasa membuat kunjungan ke pejabat-pejabat tertentu banyak menimbulkan masalah kepada penulis. Setengah-setengah pejabat tidak menunjukkan sikap bekerjasama dan kadang-kadang memberi jawapan yang menyakitkan hati penulis. Ini adalah kerana penulis membuat penyelidikan yang bermula dari tahun 1925 dan bahan-bahan adalah sukar didapati.

Tujuan perbincangan di dalam bab ini adalah untuk menunjukkan dari segi sejarah perubatan yang telah tersibar di Tanah Melayu. Dapat dikatakan bahawa bila diteliti dari segi sejarah, kita dapati bahawa negara Baratlah yang merupakan negara yang pertama yang telah dapat menemukan perubatan-perubatan moden. Setelah mereka mencuba dan mendapati bahawa ia memberi kesan yang baik maka seterusnya pengetahuan itu di resapkan ke negara-negara di sebelah Timur khususnya di Tanah Melayu.

Dari segi pertumbuhan dan penyebaran perubatan Barat, adalah dikatakan bahawa ketika Portugis menduduki Melaka pada tahun 1511, seni perubatan di Eropah masih belum bebas dari liku-liku kekaburan zaman pertengahan.

Dengan ini telah ada ramai pengarang-pengarang yang berjaya menghasilkan buku-buku mengenai perubatan. Adalah dikatakan bahawa separuh daripadanya telah diketahui oleh orang-orang Arab dan sepertiga lagi oleh orang-orang Greek kemudiannya, tetapi seni penyembuhan telah dikaburi dengan dunia mistik. Apabila Vesalius meletakkan asas anatomi moden dalam bukunya, *De Humani Corporis Fabrica*, salah sebuah buku yang teragung di dunia dalam bidang

perubatan, di mana pendudukan Portugis hanya baru mencapai umur tiga puluh tahun dan zaman Portugis hampir berakhir bila kerja-kerja Harvey ke atas peredaran darah , De Motu Cordis, menandakan pelepasan terakhir semangat moden dengan tradisi-tradisi kuno, diterbitkan dalam tahun 1628.<sup>1</sup> Pengembara-pengembara Barat yang pertama hanya mampu menambah sedikit sahaja kepada pengetahuan perubatan turun-temurun yang menyerapi Tanah Melayu melalui Islam dari dunia Arab. Mikroskop kompaund, satu alatan yang teragung dalam dunia sains perubatan Barat, telah direka dalam tahun 1665 ketika cahaya Islam mula menyinari dunia Melayu.

Sains perubatan Barat datang ke Timur secara berperingkat-peringkat melalui tekanan budaya yang berlarutan dalam satu sistem evolusi. Pada tahun 1796, seorang penemu dalam bidang kekebalan penyakit iaitu Jenner telah muncul dengan kejayaannya. Lister, seorang yang telah dapat menerbitkan bukunya yang pertama berkenaan dengan pencegahan peracunan dari luka yang bernanah merupakan satu

---

1. Various Authors, The Institute For Medical Research 1900-1950, Kuala Lumpur. Government Press. 1951. m.27

mercu kejayaan dalam bidang pembedahan moden. Penerbitan ini telahpun diterbitkan pada tahun 1867, apabila Negeri-Negeri Selat diletakkan di bawah kuasa Pejabat Penjajah.

Perubatan klinikal moden di zaman Syarikat Hindia Timur Belanda dan British telah dapat dibangunkan atas asas yang kukuh anatomi berpenyakit, dan struktur badan dalam kesihatan dan penyakit telah menzahirkan rahsia-rahsiannya kepada pembangunan mikroskop dan penggunaan yang lebih berani terhadap kaedah uji kaji. Dari awal lagi telah terdapat hospital-hospital kepunyaan Syarikat Hindia Timur di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang. Pegawai-pegawai perubatan tentera syarikat mempunyai kuasa perubatan ke atas pasukan-pasukan tentera dan pegawai-pegawai kerajaan serta keluarga mereka, dan mereka mengubati penduduk tempatan yang bersedia dimasukkan ke hospital awam atau orang-orang miskin.

Pencacaran Jenner yang telah di bawa ke Pulau Pinang pada tahun 1804 adalah merupakan satu kemajuan yang terkemuka yang pertama dalam bidang ilmu kesihatan Barat. Penemuan ini telah meresap ke Tanah Melayu adalah sebagai satu kawalan yang terjamin terhadap

suatu penyakit yang ditakuti.<sup>2</sup> Terdapat kesukaran untuk memujuk penduduk-penduduk di Tanah Melayu mendapatkan pencacaran kerana mereka bergantung kepada pemimpin-pemimpin tempatan.<sup>3</sup> Ini adalah disebabkan oleh sikap masyarakat di Tanah Melayu pada masa itu yang mempunyai fahaman bahawa pemimpin itu mempunyai kuasa yang mutlak dan harus mengikuti apa yang dilakukan oleh setiap pemimpin itu. Adalah juga disebabkan bahawa apa yang dilakukan oleh pemimpin itu adalah baik dan elok, maka tidaklah akan mendatangkan sebarang keburukan kalau mereka mencontohi tauladan yang dilakukan oleh pemimpin itu. Sebagai contoh, di negeri Selangor, Raja Mahmud tidak mahu mengiktiraf kempen pencacaran dan dengan ini tidak mendapat sambutan di kalangan rakyatnya. Manakala bagi seorang lagi raja iaitu Raja Bot telah bekerjasama dan juga telah melatihkannya sebagai pencacar dimana ini telah mendapatkan sambutan yang hangat di kalangan pengikutnya.

---

2. Ibid. m.28

3. J.Kennedy, M.A. A History of Malaya 1400-1959. London Macmillan and Company Ltd., New York. 1962. m.229.